

## **Bait Suci Hong Kong akan Dibuka Semula**

### **Tempat kudus untuk harapan, iman dan keluarga**



Selepas pengubahsuaian yang bermula pada 2019, Bait Suci Hong Kong Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir akan dibuka semula pada Julai ini menyusuli pembaktian semula yang diadakan pada 19 Jun 2022.

Para ahli gereja di daerah Bait Suci Hong Kong yang mengambil bahagian secara peribadi dan melalui siaran, bersukacita bahawa bait suci bersedia untuk mengalu-alukan ahli semula.

Vincent dan Polly Fong, ahli Gereja di Hong Kong, merupakan ibu bapa kepada tiga anak kecil. Polly berkongsi, “Penyembahan bait suci mendekatkan kami sebagai sebuah keluarga. Saya dan suami saya tidak sabar untuk menghadiri bait suci semula. Ini membantu kami menjadi pasangan dan ibu bapa yang lebih baik.”

Elder Gerrit W. Gong dari Kuorum Dua Belas Rasul memimpin pembaktian itu dan berkata, “Bait Suci Hong Kong yang indah ini menjemput kita di kawasan Asia ini untuk mendekatkan diri kepada Juruselamat kita Yesus Kristus, membina landasan rohani kita setiap hari, dan memberkati generasi keluarga kita.”

Bait Suci Hong Kong adalah bait suci ke-48 yang dibina oleh Gereja dan dibaktikan pada tahun 1996 oleh Presiden Gordon B. Hinckley. Ia ditutup pada 2019 untuk kerja pengubahsuaian yang diperlukan selepas 23 tahun pelayanan.